



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELANTIKAN TETAP JURURAWAT KONTRAK, KENAIKAN PANGKAT JURURAWAT DENGAN IJAZAH SARJANA MUDA KEJURURAWATAN DAN PEWUJUDAN JAWATAN FLEKSI SKIM JURURAWAT

Pandemik COVID-19 yang melanda sejak lebih dua tahun lalu telah menyebabkan kesan domino kepada sistem penjagaan kesihatan negara dan menyaksikan bagaimana kakitangan kesihatan sebagai pasukan barisan hadapan bertungkus-lumus memberikan perkhidmatan dan rawatan terbaik kepada rakyat.

Antara profesion yang turut terkesan semasa pandemik COVID-19 adalah profesion jururawat di mana KKM telah berhadapan dengan kekurangan jururawat, bukan sahaja untuk menjaga kes-kes COVID-19, tetapi juga dalam pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Dalam usaha menambah baik jaminan kerjaya kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta meningkatkan kualiti perkhidmatan, KKM dengan sukacitanya ingin mengumumkan sejumlah **1,136 Jururawat keluaran Institut Latihan KKM berstatus lantikan kontrak akan diperakukan ke pelantikan tetap** dalam tempoh suku keempat tahun 2022 dan suku pertama tahun 2023.

Dalam pada itu, proses perakuan pelantikan ke jawatan tetap bagi sejumlah **2,804 Jururawat swasta yang sebelum ini dilantik secara kontrak** dan masih lagi berkhidmat di KKM bagi menyokong perkhidmatan kesihatan khususnya bersama-sama menangani isu pandemik COVID-19, akan dibuat secara berfasa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Bagi **Jururawat Gred U29 dan U32** yang memiliki **kelayakan akademik ijazah sarjana muda kejururawatan**, secara prinsipnya pegawai tersebut **boleh dipertimbangkan pelantikan ke Gred U41 atau kenaikan pangkat ke Gred U42.**

Dalam hal ini, KKM sedang melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) Menawarkan **kenaikan pangkat ke Gred U42 kepada 110 Jururawat yang memiliki ijazah sarjana muda kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan** dan memenuhi syarat tempoh perkhidmatan sebagaimana syarat iklan. Tawaran ini melibatkan **50 Jururawat Gred U32 dan 60 Jururawat Gred U36**. Tawaran ini akan dibuat pada 17 Oktober 2022.
- (ii) Sebanyak 49 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 lagi akan diisi menerusi pengambilan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang akan dilaksanakan pada suku pertama tahun 2023.
- (iii) KKM mengunjurkan sebanyak 226 jawatan Jururawat Gred **U41/42/U44 diwujudkan dalam tempoh 2023 hingga 2025** iaitu:

- a. 63 jawatan pada tahun 2023;
 - b. 125 jawatan pada tahun 2024; dan
 - c. 38 jawatan lagi pada tahun 2025.
 - d. Jumlah ini tidak termasuk unjuran pewujudan sebanyak 7,434 jawatan Jururawat Gred U29, Gred U32 dan Gred U36 dalam tempoh yang sama.**
- (iv) berdasarkan unjuran pewujudan sebanyak 226 jawatan Jururawat Gred U41/42/U44 ini, KKM akan menguruskan pelantikan tetap dan menawarkan kenaikan pangkat kepada pegawai yang layak mengikut tahun berkecualan.

Sementara itu dalam usaha memastikan penyampaian **perkhidmatan di klinik ibu dan anak (KKIA) dan klinik desa** yang cekap dan berkesan, KKM juga telah mengemukakan permohonan untuk memfleksikan jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 kepada jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19/Jururawat Gred U29.

Pindaan ini dibuat bagi membolehkan seramai **1,406 Jururawat Masyarakat Gred U19** yang telah lulus kursus **Diploma Kejururawatan Peningkatan Secara Lantikan (PSL)** ditawarkan pelantikan tetap dan kekal mengisi jawatan sedia ada sebagai Jururawat Gred U29.

Sehingga kini, sejumlah 2,775 perjawatan Jururawat Masyarakat Gred U19 masih kosong dan permohonan untuk memfleksikan jawatan ini akan membolehkan jawatan tersebut diisi oleh graduan Jururawat dari Institut Latihan KKM mahupun swasta.

Menerusi keputusan ini dan selari dengan peredaran masa serta keperluan fasiliti, **jawatan Jururawat Masyarakat akan dijumudkan secara berperingkat.**

Jururawat Masyarakat sedia ada juga akan ditawarkan kursus Diploma Kejururawatan PSL yang dilaksanakan secara sepenuh masa dalam tempoh setahun. KKM menggalakkan Jururawat Masyarakat untuk mengikuti kursus Diploma Kejururawatan PSL supaya mereka boleh dipertimbangkan peningkatan dalam kerjaya sebagai Jururawat Gred U29. Walau bagaimanapun, sekiranya Jururawat Masyarakat yang tidak layak atau tidak mahu mengikut kursus ini, jawatan yang disandang akan terus dikekalkan hingga mereka meninggalkan jawatan tersebut.

KHAIRY JAMALUDDIN

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

22 September 2022